

Legasi Pak Lah angkat martabat seni, semarak ekonomi kreatif



Oleh Prof Madya Dr Syamsul Bahrin Zaibon
bhrencana@bh.com.my

Pemergian Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi bukan sahaja meninggalkan kekosongan dalam kepimpinan negara, malah turut dirasakan seluruh komuniti seni dan budaya tanah air.

Dikenali dengan pendekatan sederhana, berjiwa rakyat dan bersifat terbuka, Abdullah atau mesra disapa Pak Lah, memainkan peranan penting memartabatkan industri seni melalui dasar progresif serta galakan kepada keterbukaan Islamik dalam ekspresi budaya.

Pak Lah dikenang sebagai pemimpin yang sentiasa menyokong perkembangan seni, melihatnya bukan sekadar hiburan, tetapi juga medium penting untuk memperkukuh perpaduan nasional serta mencerminkan identiti negara.

Sepanjang tempoh pentadbirannya dari 2003 hingga 2009, penggiat seni dari pelbagai bidang diberi ruang dan sokongan untuk menonjolkan bakat, sama ada dalam filem, muzik, seni persembahan atau lukisan.

Beliau diyakini sebagai antara pemimpin yang membuka jalan kepada pemahaman bahawa seni dan Islam tidak pernah berseteru, malah saling melengkapi dalam membentuk masyarakat berbudaya.

Antara warisan seni terpenting di bawah naungan Pak Lah ialah program *Malaysia Batik: Craft*

for the World diasaskan bersama isteri beliau, Allahyarham Tun Endon Mahmood.

Inisiatif ini memperkenalkan Piala Seri Endon, pertandingan seni tekstil bertaraf nasional yang menjadi platform penting bagi pereka batik tempatan mengangkat karya mereka ke persada antarabangsa.

Dasar Islam Hadhari merangkumi seni

Program ini menjadikan batik bukan sahaja sebagai simbol warisan, tetapi satu bentuk ekspresi kontemporari yang diterima secara global, sekaligus mengukuhkan ekonomi kreatif tempatan.

Abdullah bukan sahaja tinggalkan legasi dalam bidang kenegaraan, tetapi satu warisan besar memartabatkan seni sebagai tunjang penting pembinaan tamadun Malaysia moden

Dasar Islam Hadhari diperkenalkan Pak Lah turut merangkumi dimensi seni, yang memberi penekanan bahawa seni perlu berkembang selaras dengan nilai murni Islam tanpa menyekat kreativiti.

Pendekatan ini membolehkan pelbagai karya yang membawa mesej kemanusiaan, moral dan spiritual, dihasilkan tanpa prejudis atau diskriminasi.

Pelbagai produksi filem, drama dan dokumentari yang lebih bersifat pantulan serta intelektual turut muncul pada era ini, menutup suasana perbincangan seni yang lebih matang dan terbuka.

Pak Lah juga antara pemimpin awal memberi perhatian kepada ekonomi kreatif, memperkenalkan insentif kepada penerbit tempatan dan menyokong usaha membangunkan industri filem serta kandungan digital.

Kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta dalam memajukan seni persembahan turut dimulakan ketika era pentadbiran beliau.

Sumbangan ini diiktiraf pelbagai badan seni, termasuk Perbadanan Filem Nasional (FINAS) serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang melihat pendekatan Pak Lah sebagai asas kepada kerangka dasar budaya yang wujud hari ini.

Apabila negara berkabung atas pemergian beliau, ramai penggiat seni tampil mengenang Allahyarham sebagai bukan sekadar tokoh politik, malah sahabat seni yang memahami denyut nadi budaya bangsa.

Abdullah bukan sahaja meninggalkan legasi dalam bidang kenegaraan, tetapi satu warisan besar memartabatkan seni sebagai tunjang penting pembinaan tamadun Malaysia moden.

Felo Penyelidik Kanan, Institut Pengurusan Industri Kreatif dan Kelestarian Budaya (ICIMSC), Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan UUM